

02 JUN 2003

MAHATHIR-BUSH

SIKAP BUSH TIDAK CERMINKAN KENYATAAN HUHTALA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Yong Soo Heong

LAUSANNE, 2 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menganggap pertemuan dengan Presiden George W. Bush dari Amerika Syarikat di Sidang Kemuncak G8 sebagai mesra.

Beliau berkata walaupun ucapan di mesyuarat tersebut membayangkan kedudukan Amerika sebagai sebuah kuasa besar, Bush dilihat "agak mesra" dalam caranya bertanya khabar.

Ia jelas tidak mencerminkan kenyataan yang dibuat oleh Duta Besar Amerika ke Malaysia, Marie T. Huhtala, katanya dalam sidang akhbar untuk media massa Malaysia di sini.

Dua minggu lepas, Huhtala memberitahu sebuah forum perniagaan bahawa hubungan Amerika dengan negara-negara Asia Tenggara akan terjejas jika pemimpinnya terus mengkritik dasar luar Washington.

Kenyataan yang telah turut dimuatkan di laman web kedutaan itu tidak ditujukan khusus kepada Malaysia atau Dr Mahathir yang lantang menyuarakan rasa tidak senang hati dengan sebahagian dasar luar Amerika seperti pencerobohan yang diketuainya terhadap Iraq.

Dr Mahathir yang berada di sini untuk menghadiri Sidang Kemuncak G8 di Evian, berkata Bush telah menepuknya dari belakang semasa mereka masing-masing menghadiri mesyuarat tidak rasmi di bandar di Perancis itu pada Ahad.

Apabila ditanya adakah beliau kemudiannya menepuk kembali belakang Bush, Dr Mahathir menjawab: "I don't pat people's back." (Saya tidak tepuk belakang orang lain).

Sebelum Bush berlepas dari mesyuarat tersebut, dia bersalam juga, tambahannya.

-- BERNAMA

SHY JR